



25 APR, 2025

Sabah masih di landasan capai sasaran: Masidi

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui

Sabah masih di landasan capai sasaran: Masidi

Larry Ralon

KOTA KINABALU: Sabah masih berada di landasan untuk mengatasi cabaran yang ditimbulkan oleh jidar simpanan elektrik yang rendah di negeri ini, yang boleh menghalang peralihan kepada tenaga boleh diperbaharui, kata Menteri Kewangan Negeri Datuk Seri Masidi Manjun (**gambar**).



Terdapat kebimbangan bahawa jidar simpanan yang rendah akan menghalang atau melambatkan matlamat Sabah untuk mencapai tenaga hijau.

"Ia akan menjadi satu cabaran besar, tetapi saya rasa kita masih berada di landasan yang tepat untuk mengatasinya," katanya kepada media selepas mewakili Ketua Menteri merasmikan Persidangan Tenaga Boleh Diperbaharui Sabah 2025: Koridor untuk Mengubah Visi kepada Realiti (Sarec 2025) di Shangri-La Tanjung Aru Resort di sini, Khamis.

Masidi berkata, kesukaran utama terletak pada usaha mengekalkan jidar simpanan tenaga yang mencukupi sambil meningkatkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui.

"Terdapat banyak isu yang timbul apabila kita perlu mencari penyelesaian terhadap jidar tenaga di Sabah, tetapi saya fikir kita masih berada di landasan yang betul untuk menyelesaiannya."

Beliau mengesahkan bahawa Sabah sedang dalam "perbincangan berterusan" dengan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi menangani kekurangan tersebut. "Kami sentiasa berunding dengan mereka."

Masidi mengakui bahawa subsidi tenaga — terutamanya semasa peralihan kepada kuasa hijau — memerlukan perbelanjaan negeri yang besar.

"Kami faham bahawa dalam konteks Sabah, ia melibatkan jumlah wang yang

besar untuk subsidi, tetapi seperti yang kita tahu, perkara yang baik selalunya memerlukan kos yang tinggi, dan ini salah satunya."

Apabila ditanya tentang kemungkinan penjanaan tenaga arang batu, Masidi berkata walaupun pilihan itu masih diperimbangkan, pendirian peribadinya adalah menolaknya.

"Itu adalah pendirian peribadi saya bahawa kita harus cuba mengelakkannya. Terdapat banyak perkara yang diperitaruhkan. Bila bercakap mengenai kemampaman, kita perlu mengorbankan sesuatu yang mungkin baik untuk Negeri, tetapi kita perlu merancang untuk jangka panjang."

Masidi menegaskan bahawa daya tahan jangka panjang memerlukan Sabah membekakan dirinya daripada negeri lain dengan mengutamakan kemampaman. "Jangka panjang adalah mengenai kelestarian — perlunya Sabah meletakkan diri kita dalam perspektif yang berbeza berbanding negeri lain di negara ini."

Mengenai laporan baru-baru ini bahawa rizab gas asli Sabah semakin berkurangan sebanyak 4 peratus setahun, Menteri menyatakan bahawa kehabisan sumber adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan di seluruh dunia.

"Semua rizab gas asli akhirnya akan habis, bukan sahaja di Sabah, tetapi juga di tempat lain di dunia," katanya, menambah tumpuan sepatahnya pada memaksimumkan rizab sedia ada sambil membangunkan alternatif lain.

"Isunya adalah bagaimana untuk memaksimumkan penggunaannya bagi menyelesaikan masalah. Pertimbangan lebih baik perlu diambil, bukan hanya takut kepada hakikat bahawa ia akan habis."

Memandang ke hadapan, beliau mengakui kemungkinan untuk perlu mengimport gas tetapi menekankan mitigasi melalui tenaga boleh diperbaharui.

"Saya tidak boleh katakan sejauh mana

ia akan berlaku pada masa depan, tetapi saya hanya boleh katakan bahawa ia boleh dikurangkan dengan beralih kepada sumber mampam. Itulah sebenarnya tujuan persidangan hari ini — supaya kita kurang bergantung pada gas," katanya.

Mengulas analogi berwarna-warni yang digunakan oleh seorang bekas Menteri, Masidi menjelaskan metafora "monyet dan emas" itu.

"Niatnya baik, tetapi metafora itu lebih kepada menarik perhatian orang ramai," jelasnya.

"Apa yang beliau cuba sampaikan ialah kita sebenarnya boleh menggunakan arang batu untuk menyelesaikan masalah kita. Tetapi Sabah memilih untuk tidak mengeksplorasi arang batu ketika itu kerana kita mahu mengekalkan kehijauan Sabah."

Beliau memuji keputusan Sabah untuk mengutamakan pemuliharaan berbanding eksplorasi arang batu, dengan menyatakan manfaatnya kepada industri pelancongan.

"Pelancongan adalah 'emas baharu'. Dalam industri pelancongan, lebih 95 peratus daripada mereka yang terlibat adalah rakyat Sabah... Hanya dalam industri pelancongan kita lihat pemainnya secara besar-besaran adalah anak jati Sabah. Bagi saya, itu lebih penting dan lebih berharga daripada 'emas' yang kita pilih untuk tidak eksplorasi."

Mengenai inisiatif Penukaran Tenaga Terma Lautan (OTEC), Masidi mengingatkan bahawa hasilnya akan mengambil masa.

"Ia akan ambil masa untuk melihat sebarang bentuk hasil kerana ia adalah sumber tenaga baharu. Ia sesuatu yang belum ramai di dunia ini mula usahakan. Jadi, kita masih ada jalan yang jauh untuk dilalui."

"(Tetapi) jika kita hanya duduk diam dan menunggu, ia tidak akan berlaku. Kita perlu mula, macam mana sekali pun," katanya.